

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 6 APRIL 2017

RUJUKAN : 9714

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan terbaru pendaftaran kad sementara 'Enforcement Card' (E-Kad) untuk pendatang asing tanpa izin (Pati) mengikut negeri dan negara asal Pati dan juga kategori pekerjaan mereka di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan *Enforcement Card* (E-Kad) oleh Jabatan Imigresen bermula pada 15 Februari 2017. Sehingga 22 Mac 2017, sebanyak 28,318 keping E-Kad telah dikeluarkan kepada pemohon. Jumlah E-Kad yang dikeluarkan mengikut negeri adalah sebanyak 11,807 keping bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebanyak 4,734 keping bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebanyak 4,397 keping bagi negeri Selangor, sebanyak 1,208 keping bagi negeri Pulau Pinang, sebanyak 1,147 keping bagi negeri Perak, sebanyak 1,800 keping bagi Negeri Sembilan, sebanyak 835 keping bagi negeri Johor, sebanyak 943 keping bagi negeri Melaka, sebanyak 283 keping bagi negeri Kelantan, sebanyak 365 keping bagi negeri Kedah, sebanyak 350 keping bagi negeri Pahang, sebanyak 375 keping bagi negeri Terengganu dan sebanyak 74 keping bagi negeri Perlis.

Jumlah E-Kad yang dikeluarkan mengikut sektor pekerjaan adalah sebanyak 8,169 keping bagi sektor perkhidmatan, sebanyak 15,238 keping bagi sektor pembinaan, sebanyak 1,757 keping bagi sektor perkilangan, sebanyak 1,656 keping bagi sektor pertanian dan sebanyak 1,498 keping bagi sektor perladangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
TARIKH : 6.4.2017
SOALAN : NO. 46

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada "University Malaysia of Computer Science & Engineering " (UniMY) pada tahun 2014, 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan penubuhan UniMY pada 3 Januari 2013. Walau bagaimanapun, selaras dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Kementerian Pendidikan Tinggi tidak menyediakan peruntukan kepada UniMY.